

# Ujian cermin kaji sifat unik hidupan liar

**Prof Madya  
Dr Hafandi  
Ahmad**



*Pensyarah (Fisiologi Haiwan)  
Jabatan Sains Praktikal  
Veterinar Fakulti Perubatan  
Veterinar Universiti Putra  
Malaysia*

lidik mengkaji bagaimana fungsi kognitif haiwan berinteraksi dan mengukur tahap kesedaran berpandukan imej refleks di hadapan cermin.

Di Malaysia, kajian ini dijalankan pada 2017 hingga 2019 di Royal Belum oleh Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia, dengan kerjasama Pulau Banding Research Centre dan Perbadanan Taman Negeri Perak.

Selain cermin, turut diletakkan video kamera tersembunyi bagi melihat tingkah laku dan tindak balas hidupan liar apabila berinteraksi di hadapan cermin seperti kijang, rusa, seladang, tapir, babi hutan, spesies monyet, harimau dan gajah.

Hasilnya, tingkah laku kijang dan rusa sangat menarik dan mengujakan seperti mengangkat anggota kaki dan menggerakkan anggota badan dan kepala secara berirama ketika melihat imej sendiri di hadapan cermin.

Gajah pula menunjukkan sifat agresif dengan mengeluarkan suara trompet sangat kuat dan menyerang imej sendiri menggunakan belalai dan kaki di hadapan cermin.

Ada juga hidupan liar seperti rusa menyerang cermin dengan



**Keindahan flora dan fauna di Royal Belum perlu terus dipelihara bagi memastikan ekosistem kekal seimbang.** (Foto hiasan)

menanduk imej refleks. Paling menarik, tapir yang sangat terkejut dan berlari serentak apabila melihat imej refleks waktu malam.

Apa yang boleh diambil pelajaran daripada hasil kajian ini ialah bagaimana kekeliruan hidupan liar untuk mentafsir dan memahami imej refleks berkenaan sama ada ia adalah dirinya sendiri ataupun sebaliknya.

Berkemungkinan besar, mereka menganggap imej daripada cermin berkenaan adalah musuh, lalu menyerang cermin berkenaan.

Ada juga beberapa hidupan liar seperti monyet, burung dan kancil

dengan tingkah laku seperti menyiasat atau mencari sesuatu di belakang cermin.

Mungkin haiwan terbabit mencari kepastian imej atau ingin berinteraksi dan bersosial dengan spesies sama.

Turut dirakam, dua harimau yang tidak menunjukkan apa-apa tindak balas kognitif atau kesedaran apabila hanya sekadar melihat imej refleks di hadapan cermin dan berlalu.

Sama ada ia sedar imej refleks itu dirinya sendiri atau sebaliknya, ia menuntut kajian lebih mendalam terhadap ujian cermin

fungsi kognitif pada hidupan liar.

Daripada hasil kajian ini, kita boleh simpulkan bahawa alam hidupan liar di hutan sangat menarik dari segi interaksi sosial mereka, terutama ketika mencari makanan, membiak atau bergerak secara berkumpulan terutamanya pada waktu malam.

Pelbagai andaian boleh dirumuskan daripada hasil kajian ini, bagaimanapun kita perlu faham tahap kognitif atau pemikiran haiwan bergantung kepada tahap encephalization quotient (EQ) haiwan itu sendiri.

Keindahan ekosistem flora dan fauna di Royal Belum sangat mengujakan bagi pencinta alam dan keindahan ini perlu terus dipelihara agar kehidupan ekosistem mereka seimbang.

Paling penting, pengawasan pemburu haram mestilah digiatkan agar hidupan liar ini terus terpelihara demi masa depan generasi akan datang.

Oleh itu, bersempena Hari Hidupan Liar Dunia ini, marilah kita sama-sama berfikir dan bertindak atas dasar kesedaran bagi memelihara dan menghargai hidupan liar agar mereka terus hidup dan tidak terpinggir daripada arus pembangunan manusia.